

Pendidikan

Tujuan Pendidikan Islam yang Sebenarnya

“Kita mesti jiwaikan anak-anak Islam kepada tidak melupai dunia dalam merebut akhirat dan tidak melupai akhirat dalam merebut dunia. Tanamkan semangat Islam! Bagaimana Muhammad Rasulullah telah merebut dunia dan memerintah (mengembangkan Islam) di dunia, supaya anak-anak angkatan baharu tidak akan melupakan dunia, bahkan akan mencintai dunia sebagaimana mencintai akhirat, dan di tangan merekalah nanti hukum-hukum Allah akan dapat berjalan sebagaimana mestinya. Merekalah akan mengisi hukum-hukum Allah dengan gagah, merekalah pendokong Islam dan merekalah benteng agama Allah.” kata penulis rencana ini

– P.Q.

(Oleh: Budiman Radhi)

Dalam saat kesedaran bangsa kita hari ini dalam bidang pendidikan dan pelajaran, seringkali terdapat ahli-ahli pendidik bangsa kita mengemukakan perbandingan dan persaingan antara pendidikan Barat dengan Timur. Ada pula yang menganggap pendidikan Islam itu adalah pendidikan Timur, dan pendidikan Barat berlainan dari pendidikan Islam.

Sebenarnya kata-kata demikian ini tidak ada dalam dasar pendidikan Islam, mungkin timbulnya pertentangan terhadap pendidikan corak Barat yang ternampak dalam negara kita ini, bahkan cara-caranya banyak yang tidak dapat kita terima, terutama dalam kebebasan pergaulan anak-anak lelaki dengan perempuan terbiar sesukanya yang menyolok mata. Kadang-kadang ditambah dengan *dancing* yang merosakkan kebudayaan Timur, apalagi kita sebagai orang Islam

yang bertanggungjawab atas satu-satu kesan terhadap agama dan kebudayaan kita, hingga sesuatunya cara Barat, jalannya, makannya, batuknya semuanya ala Barat, dan minumannya minuman Barat. Walaupun demikian, dapatkah kita katakan bahawa Islam itu anti-Barat dan suka Timur, istimewa dalam soal pendidikan?

Adapun yang dimaksudkan dengan pendidikan itu ialah mendidik dan memimpin jasmani dan rohani yang membawa kepada kesempurnaan sifat-sifat kemanusiaan yang wajar.

Pendidikan itu memerlukan:

1. Satu tujuan yang tertentu tempat mengarahkan pendidikan itu.
2. Satu asas tempat mendasarkannya.

Andainya tertinggal dan ditinggalkan salah satu di antara ini, maka tidak bererti bagi pimpinan dan

pendidikan, bahkan akan sia-sialah sahaja, tidak akan kesempatan kepada cita-cita pendidikan yang dituju.

Apakah tujuan (ideologi) yang akan dituju oleh pendidikan itu?

Ya, kalau pertanyaan ini dihadapkan, kita boleh menjawab dengan pertanyaan pula kita hadapkan kepadanya:

Apakah tujuan hidup kita di dunia ini dan hendak ke mana tujuan terakhir dari hidup kita?

Pertanyaan kedua ini Tuhan memberi jawapan kerana Dia menghidupkan kita:

“Aku tidak jadikan jin dan manusia melainkan untuk berbakti (menyembah) kepada-Ku”.

Tujuan hidup kita sebenarnya ialah berbakti dan memperhambakan diri kepada Allah, kerana Dia yang mewujudkan kita, Dia yang mematikan kita dan kemudian kita semua kembali kepada-Nya. Dialah Pengadilan yang terbesar di Hari Pembalasan yang memperhitungkan dan mengadili atas manusia dari perjuangan hidupnya, ke mana diarahkan tujuan hidupnya yang sebenarnya? Inilah tujuan hidup dan ke sinilah tujuan pendidikan yang mesti ditumpahkan kepada anak-anak kita yang sedang dan akan menghadapi kehidupan, agar kehidupannya lebih sempurna dan lebih terjamin keselamatan dunia dan akhiratnya.

Yang dimaksudkan dengan menyembah Allah, ialah berbakti dan tunduk kepada semua perintah-Nya yang menjamin kepada kebesaran dunia dan kemenangan akhirat, serta menjauhkan segala larangan yang menghalangi bagi tercapainya kemenangan dunia dan akhirat. Untuk menduduki martabat hamba Allah yang sebenarnya bukan suatu perkara yang mudah, Tuhan telah menyatakan sifat-sifat orang yang dinamakan hamba Allah, ialah: “Hanya orang yang berilmulah dari hamba-hamba-Nya yang sebenarnya takut

kepada Allah sesungguhnya Allah itu Berkuasa lagi Pengampun”. – (Sūrat Fāṭir: 28).

Dalam ayat tersebut memberi pengertian bahawa ilmu adalah merupakan syarat yang terpokok dalam menjadi hamba Allah. Bukanlah seorang hamba Allah orang yang mengasing diri dari masyarakat dan dari nikmat Allah di atas dunia, tinggal bertapa di gunung dan dalam gua-gua batu, tidak memperdulikan makan minum, tidak menghiraukan nikmat Tuhan yang diberi-Nya, yang hanya ibadatnya sekadar sembahyang dan puasa sahaja? Tetapi masih banyak lagi perintah Allah dalam perjuangan hidup dan pemerintahan yang ditujukan kepada hamba Allah, bahkan segala sesuatu yang baik terhadap masyarakat dan rezeki yang halal di atas dunia ialah diuntukkan kepada hamba Allah.

Kerana ini Tuhan memberi ingatkan kepada hamba-Nya: “Cuba katakan! Siapa yang mengharamkan perahsiaan Allah yang dikeluarkan untuk hamba-Nya beserta rezeki yang baik itu?” – Tuhan menegaskan pula bahawa: “Kamu sebaik-baik umat dilahirkan untuk manusia”.

Tuhan telah meninggikan darjat hamba-Nya yang Mukmin untuk memimpin dan menjadi manusia. Kalau Tuhan telah memberikan kebesaran ini, maka mestilah diberikan pendidikan kepada anak-anak dengan menjiwai mereka semangat keimanan yang cinta dan takwa kepada Allah di samping ilmu yang tertentu, supaya mereka menjadi hamba Allah yang layak dan sanggup lagi mempunyai kecekapan yang cukup untuk menerima tugas memimpin dan mengatur dunia.

Kalau hanya semata-mata ilmu yang diberikan, sedang mereka tidak dijiwai dengan semangat keimanan berbakti kepada Allah, dan dalam sebarang urusan pekerjaan dan perjuangan tidak didasarkan iman takwa kenada¹ Allah, maka mereka

¹ Perkataan sebenar ialah kepada.

nanti dalam amalan ilmunya, dalam bekerja dalam sebarang urusan, mereka tak lebih dari menjadi alat dan diperalatkan untuk menentang hukum dan perintah Allah, dan merekalah menjadi alat penghancur kemurnian kehidupan manusia dan menjadikan manusia lain batu loncatan untuk kebahagiaan dirinya. Terkadang merekalah alat penghalang kebangkitan bangsa dan kebangunan agama Allah, kerana mereka telah digelapkan dengan pangkat dan jabatan, dengan gaji dan wang. Mereka tidak lagi mengenal diri mereka sebagai hamba Allah dan telah menjadi hamba orang lain, hamba jabatan dan gaji. Tidak tunduk kepada Allah, tetapi telah tunduk kepada jabatan dan gaji – siapakah yang rugi? Dia dan masyarakat merasa rugi! Rugi di dunia kerana tidak mencapai kemenangan dan rugi di akhirat kerana tidak mendapat bahagia dari Allah.

Untuk menjadi hamba Allah yang sebenarnya disamping ilmu yang diberikan perlulah pula dijiwai dengan iman mencintai Allah, dengan tunduk dan patuh kepada segala perintah yang menghendaki supaya memimpin manusia lain kepada mencintainya dan mengisi tujuan hidup dan kebaikan hidup menurut had-had yang ditentukan Allah yang membawa kepada kemenangan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Setelah dijiwai dengan keimanan dalam pendidikan anak-anak Islam, maka jasmani dan rohani mereka nanti akan menjadi manusia hamba Allah yang tunduk kepada Allah dalam mencapai kemenangan hidup dirinya dan manusia umumnya dalam erti kata yang seluas-luasnya yang dapat dicapai oleh manusia. Itulah tujuan pendidikan yang mesti diberikan kepada anak-anak Islam. Inilah tugas tiap-tiap pendidik Islam dan memberi pendidikan kepada anak-anak

Islam sebagai angkatan baharu masa depan untuk menggantikan tempat kita dan seterusnya.

Dengan berpendidikan begini, nanti dalam perjuangan hidup di dunia mereka akan dapat mencapai kemenangan yang besar dengan memimpin manusia kepada tidak melupakan hukum-hukum dan perintah Tuhannya, bahkan akan dapat mengambil hukum Tuhan menjadi hukum negara dan menjadi dasar perjuangan dalam mencapai kemajuan dan kemenangan dunia, bahkan pula mendapat kebahagiaan di akhirat dari kurnia Allah. Mereka bukan sahaja tidak dapat dipengaruhi oleh aliran pendidikan-pendidikan yang lain – oleh faham-faham yang lain yang mengelirukan – tetapi merekalah menjadi pendokong hukum Allah dan akan menjalankan perintah Allah dalam mengisi tujuan-tujuan hidup.

Sebagai seorang pendidik Islam, janganlah mempertebalkan persaingan Barat dan Timur dalam didikan, Islam lebih mengenal antara hak dan batil, antara jalan benar dan sesat. Semua yang hak kita harus terima walaupun dari Barat datangnya, dan semua yang batil akan diketepikan walaupun dari Timur datangnya. Kedua-duanya Timur dan Barat adalah bumi Allah! Bukanlah dua barang yang berlawanan yang mesti dipisahkan, melainkan mesti dirangkai menjadi serangkai yang boleh lengkap-melengkapi antara satu sama lain, menjadi satu rupa susun yang wajar dan harmonis.

Kita mesti jiwai anak-anak Islam kepada tidak melupai dunia dalam merebut akhirat dan tidak melupai akhirat dalam merebut dunia. Tanamkan semangat Islam bagaimana Muḥammad Rasul Tuhan telah merebut dunia dan

memerintah (mengembangkan Islam) di dunia, agar nanti anak-anak

Islam angkatan baharu tidak akan melupakan dunia,

bahkan akan mencintai dunia sebagaimana mencintai akhirat,

dan di tangan merekalah nanti hukum-hukum Allah akan dapat

berjalan sebagaimana mestinya. Merekalah akan mengisi

hukum-hukum Allah dengan gagah, merekalah pendokong Islam

dan merekalah benteng agama Islam!

Sesungguhnya sesuai dan wajar sekali sebagai

sebuah negara yang Islam menjadi agama rasminya –

itulah isinya dari perasmian negara ((Islam agama

rasmi)). Kita bersyukur kepada Allah atas kesedaran

pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar negara terhadap agamanya, dan

mudah-mudahan akan tidak melupakan dalam mengisi kata-kata

perasmian yang tertulis itu, maka tidak akan sesialah

apa yang hitam di atas putih!

Inilah jenis hamba Allah yang sebenarnya menjadi hamba

Allah dan alat bagi Allah yang menjadikan kita dan bumi

tempat bernegara. Maka semestinyalah kita mengisi umur

kita setiap saat dengan semangat cintakan Allah dan kita

pupukkan anak-anak kita dengan mencintai dan berbakti kepada

Allah sebagai angkatan yang akan lahir akan menyusul

di belakang kita yang akan menggantikan dan menyambung

perjuangan kita.

Sungguh sesuaiilah apa yang diamanahkan Tuhan dalam

sūrat al-Baqarah ayat 143:

“Dan demikianlah Kami jadikan kamu suatu umat

yang seimbang, adil, dan harmonis, supaya kamu

jadi pengawas bagi manusia dan Rasul jadi

pengawas atas kamu”.

Suara Iman

Lihatlah!

Semua hidup ini dari satu pengantaran

Betapa sinisnya hidup yang diwujudkan dari

wajah penuh kemurnian

Tetapi, mengapa kini banyak memburu suara

iman?

Menerima kasih tanpa kesetiaan.

Percayalah!

Suasana berganjak tak bisa melontarkan

corak

yang indah pasti terus bergerak cerah

Suara iman tetap bermadah terus bermadah

Tetapi, banyak yang sudah memalingkan langkah.

Ingatlah!

Hidup ini cuma cuma berapungan

benamkan kesangsian yang cuba mencuka

suara iman

Jangan menggadai hidup menebus sisa

Kelak ternanga api liar menelan mangsa.

Pastilah!

Selagi nafas berdenyut pastilah sujud

tanda kesetiaan

Jernih putih, bersih, ditakat tandaku arasan

Kaitkan Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

Pelopor Utusan

Dan layarkan seluruh usaha dalam suara

iman.

– **Birim B.I.**